

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Sabtu, 25 April 2015

M/S : 31

10,000 daftar peminjam buku elektronik di PNM

KUALA LUMPUR 24 April - Seramai 10,000 pembaca telah mendaftar sebagai peminjam buku elektronik melalui perkhidmatan *e-baca* yang diperkenalkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Ketua Pengaruhnya, Nafisah Ahmad berkata, perkhidmatan itu semakin mendapat sambutan daripada orang ramai sejak dilancarkan pada tahun 2012.

Ujarnya, kebanyakannya meminjam dua atau tiga buah buku yang dibaca menggunakan gajet elektronik dalam tempoh pinjaman selama dua minggu tanpa perlu datang ke perpustakaan.

Jelasnya, pada masa ini PNM mempunyai hampir lima juta bahan bacaan terutamanya buku-buku pelbagai tajuk yang telah disalin secara digital.

"Semakin ramai rakyat Malaysia yang menggunakan gajet elektronik seperti telefon pintar dan komputer tablet untuk membaca bahan bacaan. Ini merupakan fenomena global yang turut memberikan kesan yang sama kepada rakyat di negara ini."

"Kajian pada tahun 2006 menunjukkan rakyat negara ini membaca antara lapan hingga 12 buku setahun, namun sejak kebelakangan ini semakin ramai yang beralih kepada pembacaan melalui gajet berbanding buku," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program 'Jom Baca Selama 10 Minit' sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2015 di sini, semalam.

Program dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk



BEBERAPA pelajar dan guru membaca buku semasa menyertai program 'Jom Baca Selama 10 Minit' di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID

Abdul Ghaffar A. Thambi.

Seramai 200 pelajar sekolah menengah dan rendah di sekitar Kuala Lumpur menghadiri program itu dan berpeluang mendengar pengalaman serta amalan membaca Penggerusi Wakaf An-Nur Corporation Berhad, Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Sementara itu, Abdul Ghaf-

far dalam ucapannya berkata, semakin banyak bahan berunsur fitnah dan hasutan tersebar sejak akhir-akhir ini ekoran ramai yang tidak mengamalkan etika penggunaan dan penyebaran maklumat.

"Masih ramai yang membaca tanpa membuat rujukan atau penyelidikan lanjut mengenai sesuatu maklumat yang diterima," katanya.